

31 JUL 2001

Syed Hamid-PAS

PAS KURANG FAHAM SOAL ANTARABANGSA, KATA SYED HAMID

KUALA LUMPUR, 31 Julai (Bernama) -- PAS menunjukkan ia mempunyai pandangan yang cetek serta kurang faham dalam soal antarabangsa dan kepentingan strategik negara apabila mengkritik latihan bersama antara tentera Malaysia dan Amerika Syarikat (AS).

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata latihan itu adalah sesuatu yang rutin mengikut perjanjian ketenteraan kedua-dua negara dan ia tidak menjejaskan kedaulatan Malaysia atau tarafnya sebagai sebuah negara Islam.

"Ia (latihan) tidak bermakna negara Islam yang mengadakan latihan bersama tentera dengan Amerika Syarikat, akan hilang keIslaman," katanya kepada pemberita selepas menerima kunjungan hormat rakan sejawatannya dari Yemen Dr Abubakr Al-Kirbi di sini, hari ini.

Selain Amerika Syarikat, Malaysia juga mengadakan latihan bersama dengan negara-negara yang menganggotai Peraturan Pertahanan Lima Negara (FPDA) serta negara lain yang ia mempunyai hubungan pertahanan dua hala, katanya.

Syed Hamid ditanya mengenai kritikan oleh lidah rasmi PAS, Harakah mengenai "Latihan Carat 2001" baru-baru ini membabitkan tentera Malaysia dan AS di beberapa tempat di negara ini seperti Mersing, Melaka dan Lumut.

Katanya negara Arab juga mengadakan latihan bersama dengan AS malah Arab Saudi, Kuwait dan Bahrain turut menempatkan pengkalan tentera AS di negara masing-masing tetapi itu tidak bermakna mereka bukan lagi negara Arab atau negara Islam.

Beliau berkata latihan bersama tentera dengan Amerika Syarikat akan membantu menjalin persefahaman yang lebih baik antara angkatan tentera kedua-dua negara dan anggota tentera Malaysia boleh menimba pengalaman baru dalam proses itu.

Mengenai pertemuan Dr Abubakr, Syed Hamid berkata mereka telah membincangkan pelbagai perkara menyentuh usaha meningkatkan hubungan dua hala.

Mereka turut membincangkan cadangan penubuhan Suruhanjaya Bersama Malaysia-Yemen, program latihan pegawai kerajaan Yemen di Malaysia dan usaha menarik pelabur Malaysia ke negara Timur Tengah itu.

Dr Abubakr yang berada di Malaysia selama empat hari sehingga Khamis ini, akan mengunjungi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Syed Hamid juga berkata Dr Mahathir akan melawat Yemen dari 15 hingga 18 Ogos.

-- BERNAMA

MHI MAM FAZ